# IMPAK PROGRAM LATIHAN DALAM KALANGAN PENGUSAHA HOMESTAY KE ARAH KEBERKESANAN PEMBANGUNAN PROGRAM HOMESTAY DI PERINGKAT KOMUNITI: KAJIAN DARI PERSPEKTIF PENGUSAHA

**TENGKU NORAISYAH BINTI TENGKU ZAHARI**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional**
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**JANUARI 2013**

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRAK

Latihan adalah satu pendekatan bagi membangunkan modal insan seperti komponen pengetahuan, kemahiran dan sahsiah diri. Komponen-komponen ini amat penting untuk mencapai kelestarian pembangunan pelancongan desa. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan program latihan dalam usaha meningkatkan keupayaan pengusaha homestay. Kajian berbentuk kuantitatif ini adalah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama bagi proses pengumpulan data. Selain itu, temubual separa berstruktur juga dijalankan ke atas pengerusi homestay dan ketua kampung bagi menyokong data-data dari soal selidik. Sampel kajian ini terdiri daripada pengusaha homestay yang berada di tiga buah negeri di bawah lingkungan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Seramai 154 orang pengusaha di enam buah homestay telah terlibat dalam kajian ini. Data mentah yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 16.0*, manakala data temubual dianalisis berdasarkan tema. Hasil kajian menunjukkan terdapat perubahan yang tinggi ke atas aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menjalani program latihan. Hasil kajian ini juga mendapati ciri-ciri fasilitator dan rekabentuk latihan berada pada tahap yang tinggi manakala cabaran yang dihadapi semasa menghadiri program latihan hanya berada pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi kesesuaian program latihan. Justeru, beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak tertentu telah dikemukakan dalam kajian ini dalam merangka dan menganjurkan program-program latihan pada masa-masa akan datang.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRACT

Training is an approach for developing the human capital component such as knowledge, skills and personal development. These components are very important for achieving sustainable rural tourism development. Therefore, this study was undertaken to determine the effectiveness of training programs to enhance the ability of homestay operators. This is a quantitative study using questionnaires as the primary instrument for data collection process. In addition, semi-structured interviews were also conducted on the homestay‟s chairman and chief village to support the data from the questionnaires. The samples consist of homestay operators in three states under the ambit of the East Coast Economic Region (ECER). A total of 154 people in six homestay operators were involved in this study. Raw data were analyzed using the Statistical Package For Social Sciences (SPSS) Version 16.0, while the interview data were analyzed by theme. Results showed high changes of knowledge, skills, attitudes and motivation of homestay operators after training programs. The study also finds facilitator‟s features and design training at a high level while the challenges faced while attending the training program only at a moderate level of influence on the suitability of the training program. Therefore, some suggestions for improvement for consideration by the parties have been made in this study to formulate and organize training programs in the future.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| | **PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA** | |
| | **JUDUL** | **i** |
| | **PENGAKUAN** | **ii** |
| | **DEDIKASI** | **iii** |
| | **PENGHARGAAN** | **iv** |
| | **ABSTRAK** | **v** |
| | ***ABSTRACT*** | **vi** |
| | **KANDUNGAN** | **vii** |
| | **SENARAI JADUAL** | **xiii** |
| | **SENARAI RAJAH** | **xvi** |
| | **SENARAI SINGKATAN** | **xvii** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | **xix** |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 2 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 8 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 10 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 11 |
| | 1.6 Hipotesis | 11 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 12 |
| | 1.7.1 Kementerian Pelancongan Malaysia | 12 |
| | 1.7.2 KKLW dan INFRA | 13 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 1.7.3 Agensi Pelancongan dalam Wilayah ECER | 13 |
| | | 1.7.4 Komuniti Program Homestay | 13 |
| | 1.8 | Skop Kajian | 14 |
| | 1.9 | Kerangka Konseptual Kajian | 15 |
| | 1.10 | Definisi Istilah | 17 |
| | | 1.10.1 Program Latihan | 17 |
| | | 1.10.2 Pengusaha Homestay | 17 |
| | | 1.10.3 Keberkesanan | 18 |
| | | 1.10.4 Program Homestay | 18 |
| | 1.11 | Rumusan | 19 |
| **BAB 2** | **KAJIAN LITERATUR** | | |
| | 2.1 | Pengenalan | 20 |
| | 2.2 | Konsep Pelancongan, Pembangunan dan Kemunduran | 20 |
| | 2.3 | Konsep Pembangunan Komuniti | 22 |
| | 2.4 | Perkembangan Pelancongan Global | 24 |
| | 2.5 | Perkembangan Pelancongan di Malaysia | 26 |
| | 2.6 | Perkembangan Pelancongan Komuniti | 27 |
| | | 2.6.1 Pelancongan Massa kepada Pelancongan Alternat | 28 |
| | | 2.6.2 Definisi Pelancongan Berasaskan Komuniti | |
| | | 2.6.3 Sejarah Homestay di Malaysia | 31 |
| | | 2.6.4 Perkembangan Homestay di Malaysia | 32 |
| | | 2.6.5 Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) | 33 |
| | 2.7 | Agensi Bertanggungjawab dalam Pembangunan Program Homestay | 35 |
| | 2.8 | Program Latihan | 37 |
| | | 2.8.1 Definisi Program Latihan | 37 |
| | | 2.8.2 Institusi yang Menawarkan Kursus Latihan | 39 |
| | | 2.8.3 Kursus-Kursus yang Ditawarkan | 39 |
| | | 2.8.3.1 Kursus Asas Pelancongan Desa | 39 |
| | | 2.8.3.2 Kursus Sijil Homestay | 40 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.8 | Model-Model dan Teori-Teori Latihan Keberkesanan | 43 |
| | | 2.8.1 Teori *Expectancy* | 43 |
| | | 2.8.2 Model Kolb | 44 |
| | | 2.8.3 Kajian-Kajian Lepas | 45 |
| | 2.10 | Latihan dan Pembangunan Modal Insan | 46 |
| | 2.11 | Faktor-Faktor Keberkesanan Latihan | 47 |
| | | 2.11.1 Ciri-Ciri Fasilitator | 51 |
| | 2.12 | Rumusan | 53 |
| **BAB 3** | **METODOLOGI KAJIAN** | | |
| | 3.1 | Pengenalan | 54 |
| | 3.2 | Rekabentuk Kajian | 54 |
| | 3.3 | Lokasi Kajian | 58 |
| | 3.4 | Kerangka Kerja Operasi | 58 |
| | 3.5 | Populasi dan Sampel Kajian | 61 |
| | 3.6 | Instrumen Kajian | 62 |
| | | 3.6.1 Kaedah Kuantitatif | 62 |
| | | 3.6.1.1 Soal Selidik | 62 |
| | | 3.6.2 Kaedah Temubual | 64 |
| | | 3.6.2.1 Temubual secara Mendalam | 64 |
| | 3.7 | Kajian Rintis | 64 |
| | 3.8 | Kaedah Pengumpulan Data | 66 |
| | 3.9 | Penganalisisan Data | 66 |
| | 3.10 | Rumusan | 68 |
| **BAB 4** | **HASIL KAJIAN** | | |
| | 4.1 | Pengenalan | 69 |
| | 4.2 | Statistik Deskriptif | 69 |
| | 4.3 | Latar Belakang Lokasi Kajian | 70 |
| | | 4.3.1 Homestay Pantai Suri | 70 |
| | | 4.3.2 Homestay GDW Pak Rahmat, Seterpa | 71 |
| | | 4.3.3 Homestay Kampung Buluh | 71 |
| | | 4.3.4 Homestay Teluk Ketapang | 72 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | |
|---|---|---|
| | 4.3.5 Homestay Desa Murni | 73 |
| | 4.3.6 Homestay Jengka 25 | 74 |
| 4.4 | Data Analisis | 74 |
| 4.5 | Analisis Latar Belakang dan Maklumat Umum | 75 |
| | 4.5.1 Umur | 76 |
| | 4.5.2 Jantina | 77 |
| | 4.5.3 Tahap Pendidikan | 78 |
| | 4.5.4 Taraf Perkahwinan | 79 |
| | 4.5.5 Tempoh Penglibatan | 80 |
| | 4.5.6 Jenis-Jenis Kursus yang dihadiri | 81 |
| | 4.5.7 Sumber Penyampai Maklumat | 83 |
| 4.6 | Analisis Perubahan Tahap Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi Pengusaha Homestay | 84 |
| | 4.6.1 Persoalan Pertama | 84 |
| 4.7 | Analisis Perbezaan antara Faktor Demografi dengan Perubahan Tahap Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi Pengusaha Homestay | 89 |
| | 4.7.1 Persoalan Kedua | 89 |
| | 4.7.2 Persoalan Ketiga | 91 |
| | 4.7.3 Persoalan Keempat | 93 |
| 4.8 | Analisis Kesesuaian Kursus Latihan dalam Membina Keupayaan Pengusaha Homestay berdasarkan Tiga Komponen | 94 |
| | 4.8.1 Persoalan Kelima | 95 |
| | 4.8.2 Persoalan Keenam | 98 |
| | 4.8.3 Persoalan Ketujuh | 100 |
| 4.9 | Persoalan Kelapan | 102 |
| | 4.9.1 Data Bertulis dan Data Temubual berkaitan Cadangan | 105 |
| | 4.9.1.1 Hasil Dapatan | 106 |
| 4.10 | Rumusan | 111 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BAB 5 KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 112

5.2 Kesimpulan 112

5.3 Perbincangan 113

5.3.1 Perubahan pada Diri Pengusaha Homestay dari aspek Kemahiran, Sikap dan Motivasi Selepas Menghadiri Kursus Latihan 114

5.3.1.1 Aspek Motivasi 114

5.3.1.2 Aspek Sikap 115

5.3.1.3 Aspek Pengetahuan 117

5.3.1.4 Aspek Kemahiran 119

5.3.2 Perbezaan Faktor Demografi dengan Perubahan Aspek Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi Pengusaha Homestay selepas Menghadiri Kursus Latihan 120

5.3.2.1 Perbezaan Faktor Jantina dengan Perubahan Aspek Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi Pengusaha Homestay 120

5.3.2.2 Perbezaan Tahap Pendidikan dengan Perubahan Aspek Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi Pengusaha Homestay 121

5.3.2.3 Perbezaan Tempoh Penglibatan dengan Perubahan Aspek Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi Pengusaha Homestay 122

5.3.3 Kesesuaian Kursus Latihan dalam Membina Keupayaan Pengusaha Homestay Berdasarkan Tiga Komponen 123

5.3.3.1 Kesesuaian Berdasarkan Ciri Fasilitator 124


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 5.3.3.2 Kesesuaian Berdasarkan Rekabentuk Latihan | 124 |
| | | 5.3.3.3 Kesesuaian Berdasarkan Cabaran dihadapi | 125 |
| 5.4 | Cadangan | | 126 |
| | 5.4.1 | Cadangan daripada Pengusaha Homestay | 126 |
| | 5.4.2 | Cadangan daripada Pengkaji | 129 |
| | 5.4.3 | Cadangan Kerangka Latihan | 131 |
| 5.5 | Rumusan | | 133 |
| **RUJUKAN** | | | 134 |
| **LAMPIRAN** | | | 144 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Analisis ketibaan pelancong antarabangsa ke homestay 2010 | 4 |
| 1.2 | Statistik homestay sehingga Dis 2011 | 5 |
| 2.1 | Statistik ketibaan pelancong dan bahagian pasaran Rantau Asia Dan Pasifik 1990-2020 | 26 |
| 2.2 | Analisis ketibaan pelancong ke homestay serta pendapatan negara | 33 |
| 2.3 | Bilangan homestay yang terdapat di bawah wilayah ECER | 34 |
| 2.4 | Senarai agensi kerajaan yang terlibat dalam program homestay | 36 |
| 2.5 | Kursus asas pelancongan desa | 39 |
| 2.6 | Sijil Kemahiran Homestay Tahap 2 | 41 |
| 2.7 | Sijil Kemahiran Homestay Tahap 3 | 42 |
| 3.1 | Saiz populasi dan saiz sampel | 61 |
| 3.2 | Butiran sampel kajian untuk sesi temubual | 61 |
| 3.3 | Jadual bahagian soal selidik secara terperinci | 63 |
| 3.4 | Skala likert | 63 |
| 3.5 | Kaedah analisis data | 67 |
| 3.6 | Jadual kecenderungan skor min | 68 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | |
|---|---|---|
| 4.1 | Kriteria Homestay Pantai Suri | 71 |
| 4.2 | Kriteria Homestay Pak Rahmat, Seterpa | 71 |
| 4.3 | Kriteria Homestay Kampung Buluh | 72 |
| 4.4 | Kriteria Homestay Kampung Teluk Ketapang | 72 |
| 4.5 | Kriteria Homestay Desa Murni | 73 |
| 4.6 | Kriteria homestay jengka 25 | 74 |
| 4.7 | Jenis-jenis kursus latihan yang dihadiri oleh pengusaha homestay | 81 |
| 4.8 | Tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay | 84 |
| 4.9 | Aspek pengetahuan | 85 |
| 4.10 | Aspek kemahiran | 86 |
| 4.11 | Aspek sikap | 87 |
| 4.12 | Aspek motivasi | 88 |
| 4.13 | Perbezaan faktor jantina dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay | 90 |
| 4.14 | Perbezaan tahap pendidikan dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay | 91 |
| 4.15 | Perbezaan tempoh penglibatan pengusaha homestay dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi. | 93 |
| 4.16 | Persepsi pengusaha homestay terhadap ciri-ciri fasilitator | 95 |
| 4.17 | Tahap ciri fasilitator mengikut item kajian | 96 |
| 4.18 | Persepsi pengusaha homestay terhadap rekabentuk latihan | 98 |
| 4.19 | Persepsi pengusaha homestay terhadap tahap rekabentuk latihan mengikut item kajian | 98 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | |
|---|---|---|
| 4.20 | Persepsi pengusaha homestay terhadap cabaran yang dihadapi | 100 |
| 4.21 | Persepsi pengusaha homestay terhadap tahap cabaran yang dihadapi mengikut item kajian | 101 |
| 4.22 | Butiran sampel temubual | 102 |
| 4.23 | Hasil temubual | 103 |
| 4.24 | Data cadangan daripada borang soal selidik | 106 |
| 4.25 | Data cadangan daripada data temubual | 109 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka konseptual kajian | 16 |
| 2.1 | Kawasan yang terlibat dalam ECER | 34 |
| 2.2 | Hubungan antara agensi-agensi persekutuan yang terlibat dalam program homestay | 37 |
| 2.3 | Model kolb | 44 |
| 3.1 | Proses kajian | 57 |
| 3.2 | Ringkasan kerangka kerja operasi | 60 |
| 4.1 | Peratusan umur responden kajian | 76 |
| 4.2 | Peratusan jantina responden kajian | 77 |
| 4.3 | Peratusan tahap pendidikan responden kajian | 78 |
| 4.4 | Peratusan taraf perkahwinan responden kajian | 79 |
| 4.5 | Peratusan tempoh penglibatan sampel kajian dalam program homestay | 80 |
| 4.6 | Peratusan sumber penyampai maklumat berkenaan kursus latihan kepada responden kajian | 83 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| $\alpha$ | - | Nilai *Alpha Cronbach* |
| $p$ | - | Nilai Signifikan |
| ASEAN | - | *Association of Southeast Asian Nations* |
| CBT | - | *Community Based Tourism* |
| CEDI | - | Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi |
| ECER | - | *East Coast Economic Region* |
| FELCRA | - | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan |
| FELDA | - | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| GDW | - | Gerakan Desa Wawasan |
| INFRA | - | Institut Kemajuan Desa |
| IT | - | *Information Technology* |
| KDNK | - | Keluaran Dalam Negara Kasar |
| KEMAS | - | Kemajuan Masyarakat |
| KESEDAR | - | Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan |
| KETENGAH | - | Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah |
| KKLW | - | Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah |
| LKIM | - | Lembaga Kemahuan Ikan Malaysia |
| MECD | - | Kementerian Keusahawanan dan Pembangunan Koperasi |
| MOA | - | *Ministry Of Agriculture* |
| MOCAT | - | *Ministry of Culture, Arts and Tourism* |
| MOTOUR | - | *Ministry Of Tourism* |
| MTPN | - | Majlis Tindakan Pelancongan Negeri |
| NKEA | - | *National Key Economic Area* |
| OSHA | - | *Occupational Safety and Health* |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | |
|---|---|---|
| PBB | - | Bangsa-Bangsa Bersatu |
| RISDA | - | Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah |
| RMK | - | Rancangan Malaysia Ke-… |
| SKM | - | Sijil Kemahiran Malaysia |
| SPSS | - | *Statistical Package for the Social Sciences* |
| UUM | - | University Utara Malaysia |
| WTO | - | *World Tourism Organization* |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN


| | | |
|---|---|---|
| A | Carta Gant | 144 |
| B | Borang Soal Selidik | 147 |
| C | Soalan Temubual | 160 |
| D | Kajian Rintis | 163 |
| E | Pengesahan Pakar | 167 |
| F | Analisis Data | 176 |
| G | Gambar Semasa Mengedar Soal Selidik | 204 |
| H | Surat Kebenaran | 211 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BAB 1**

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan satu pilihan aktiviti kekeluargaan yang paling teratas yang boleh dilakukan di waktu senggang. Salah satu pelancongan yang semakin mendapat tempat di persada antarabangsa adalah pelancongan desa. Bagaimanapun, pelancongan sebenarnya dianggap sebagai satu kemewahan. Hal ini kerana hanya segelintir orang yang mempunyai masa dan wang sahaja yang mampu melancong. Waktu lapang yang banyak, ekonomi yang semakin baik dan berkemampuan, kemudahan pengangkutan yang lengkap telah bergabung untuk membolehkan lebih banyak orang pergi melancong (Matthieson dan Wall, 1982).

Menurut statistik, dalam tempoh dua dekad yang lalu, industri pelancongan Malaysia mengalami perkembangan yang pesat. Dalam tempoh ini, jumlah ketibaan pelancongan meningkat pada kadar purata 8% setahun iaitu daripada 3,109,106 kepada 15,703,406 pelancong antara tahun 1985 hingga 2004. Malah, sepanjang tahun 2011, Malaysia telah merekodkan ketibaan 24,714,324 pelancong asing mengatasi 24,577,196 pada tahun 2010 (Kementerian Pelancongan Malaysia,2010). Statistik tersebut telah menunjukkan bahawa industri pelancongan mampu meningkatkan pendapatan negara sekaligus memperkenalkan nama Malaysia ke persada dunia.

Kementerian Pelancongan Malaysia (dahulu dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia) pada tahun 1988 telah memperkenalkan Program Homestay sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong. Pelancong tempatan atau luar negara berpeluang

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

untuk tinggal bersama keluarga tuan rumah yang menyertai program ini dalam tempoh tertentu dan akan mengalami sendiri bagaimana tuan rumah menjalani kehidupan seharian mereka. Program homestay pertama yang mendapat sokongan daripada Kementerian Pelancongan ialah Program Homestay Desa Murni yang merangkumi lima buah kampung berhampiran Temerloh, Pahang, Penduduk tempatan yang tinggal di kampung-kampung ini bekerjasama bagi mewujudkan program homestay yang seterusnya telah memberi kesan posotif kepada penduduk tempatan. Sekumpulan 40 orang pelancong yang membeli pakej penginapan dan aktiviti di Homestay Desa Murni selama 3 hari 2 malam dapat menyumbang pendapatan purata kepada seorang pengusaha sebanyak RM150 untuk setiap pelancong. Setiap pengusaha mampu memperoleh sehingga RM1,388.00 pendapatan sebulan dari pengusahaan homestay yang dijalankan secara bersama di kalangan komuniti terbabit (Kayat.K, 2005). Namun begitu, pendapatan ini adalah bergantung kepada permintaan daripada pelancong yang tidak menentu dari satu bulan ke satu bulan yang lain. Aktiviti pemasaran merupakan aspek yang paling penting untuk menentukan kedatangan pengunjung. Lazimnya, kedatangan pengunjung dibuat secara pakej yang mana ianya telah dibentuk dan dipasarkan oleh operator perjalanan.

Kejayaan Program Homestay Desa Murni telah memberi inspirasi dan merangsang komuniti tempatan yang lain untuk mewujudkan program yang sama. Namun, kebanyakan homestay yang diwujudkan pada masa kini adalah tidak selaras dengan erti kata “homestay” yang sebenar. Kebanyakannya hanyalah untuk mencari pendapatan yang berganda semata-mata tanpa menghiraukan pulangan yang pelancong dapat hasil daripada program homestay yang dijalankan

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Sesebuah negara yang berjaya memanipulasikan panorama persekitaran yang cantik, tinggalan sejarah, keunikan budaya, kemajuan ekonomi, peluang pendidikan dan rawatan serta penganjuran acara bertaraf antarabangsa mampu meningkatkan kadar ketibaan pelancong yang tinggi dari seluruh pelosok dunia (Azhar, 2012). Hal ini bukan sahaja mampu membuatkan sektor pelancongan muncul sebagai salah satu penyumbang

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

besar kepada pendapatan negara, malah peluang pekerjaan dan penyelidikan dalam bidang pelancongan juga dapat dikembangkan dengan lebih agresif. Dengan kemudahan yang ada sekarang ini seperti kemudahan perkhidmatan atas talian, tidak mustahil keberkesanan kos dalam aspek pemasaran pelancongan dapat dioptimumkan.

Secara tradisional, pelancongan menjurus kepada keindahan alam semula jadi ciptaan Tuhan yang mempersonakan (Azhar, 2012). Sudah tentu manusia melancong atas sebab ingin menikmati pemandangan yang mendamaikan jiwa, sehingga keindahan itu boleh menjadi terapi dan pelarian daripada urusan hidup yang begitu memberi tekanan. Negara Malaysia kaya dengan destinasi pelancongan yang hebat seperti Langkawi, Pulau Pinang, persisiran pantai Terengganu, Hutan Belum , Sabah dan Sarawak dan sebagainya. Kehijauan hutan tropika, desiran angin sepoi-sepoi bahasa di pinggir pantai dan pengembaraan di tempat-tempat peranginan menjadikan Malaysia bagaikan syurga dunia yang menggamit kedatangan pelancong.

Salah satu strategi pelancongan di luar bandar adalah program homestay. Ianya melibatkan pelancong menginap, menjamu selera dan dihiburkan dengan acara tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung yang terlibat. Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan tuan rumah yang menjadi (hos) mereka, (Aminudin & A Jamal, 2006). Bagaimanapun, bukan sahaja pengusaha dan penduduk setempat yang terlibat dalam program ini, namun budaya dan cara hidup masyarakat setempat turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan kawasan tarikan yang berdekatan dengan homestay tersebut (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2010). Justeru, pelancong yang berkunjung dapat menyaksikan kepelbagaian adat dan budaya hidup masyarakat yang pastinya mempunyai keunikan dan keistimewaan mereka yang tersendiri (Jabil Mapjabil, 2011).

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.1 di bawah, kedatangan pelancong antarabangsa ke homestay di Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai negara.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Jadual 1.1: Analisis Kedatangan Pelancong Antarabangsa Ke Homestay 2010
(Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia, 2010)

| **Bil** | **Negara Asal** | **Jumlah Pelancong** | **(%)** |
|---|---|---|---|
| 1 | Singapura | 25, 785 | 52.5% |
| 2 | Jepun | 10, 988 | 22.4% |
| 3 | Eropah | 4, 559 | 9.3% |
| 4 | Australia | 2, 003 | 4.1% |
| 5 | Brunei | 1, 023 | 2.1% |
| 6 | Korea | 986 | 2.0% |
| 7 | Indonesia | 864 | 1.8% |
| 8 | U.S.A | 505 | 1.0% |
| 9 | Afrika | 399 | 0.8% |
| 10 | Thailand | 280 | 0.6% |
| 11 | Lain-lain | 1, 734 | 3.5% |
| | JUMLAH | 49, 126 | 100% |

Konsep homestay yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia adalah tidak sama dengan konsep homestay di luar Negara. Menurut Ministry of Culture, Arts and Tourism: Kuala Lumpur, MOCAT (1995) dalam Garis Panduan Penyediaan Homestay, konsep homestay adalah:

"*….. where tourist stay with the host's family and experience the day of life of the family in both a direct and indirect manner ".*

Iaitu, program homestay di Malaysia dikenali sebagai penginapan tinggal bersama keluarga angkat dan menjalani aktiviti bersama keluarga angkat sambil terlibat dengan aktiviti tradisional dan aktiviti bersama-sama dengan penduduk kampung. Di luar Negara pula, terdapat pelbagai terma yang digunakan merujuk kepada penginapan pelancong yang tinggal dengan tuan rumah, antaranya *farm stay, home visit system, agricultural homestay* serta *bed and breakfast* iaitu pelancong hanya menginap dan menikmati sarapan pagi sahaja (Aminudin & A. Jamal, 2006).

Menurut Boonratana (2010) pula, konsep homestay adalah:

"*....room or space within the private homes of community members, offered to guests for a nominal fee, who expects to experience simple rural living or*

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*traditional lifestyles, and to interact and have cultural exchanges with the host family, therefore providing a meaningful learning experience for both host and visitors."*

Di mana, menurut beliau pengalaman daripada program ini mampu memberi pembelajaran yang bermakna bagi kedua belah pihak.

Namun, sebenarnya kejayaan sesebuah homestay itu tidak akan dapat dicapai tanpa adanya latihan yang berkesan ke atas komuniti pelancongan desa. Keupayaan komuniti dalam mengendalikan program homestay amatlah perlu dititik beratkan terutamanya dari segi kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan kepimpinan. Tosun (2000) memberi definisi penglibatan komuniti sebagai "satu bentuk tindakan sukarela yang melaluinya individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan". Oleh itu, latihan menjadi salah satu cara untuk menyediakan komuniti dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap positif.

Penglibatan komuniti adalah satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka sendiri (Kayat & Mohd Nor, 2006). Komuniti yang memberi komitmen sepenuhnya dalam proses pembangunan homestay pasti tidak akan mengecewakan pencapaian homestay itu sendiri. Jadual 1.2 menunjukkan statistik homestay di Malaysia sehingga Disember 2011, di mana terdapat peningkatan dari segi jumlah homestay.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Jadual 1.2: Statistik Homestay Sehingga Dis 2011
(Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia, 2011)

| Bil | Negeri | Jum. Homestay | Jum. Kampung | Jum. Peserta | Jum. Bilik |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Perlis | 3 | 3 | 56 | 64 |
| 2 | Kedah | 14 | 19 | 296 | 393 |
| 3 | Pulau Pinang | 9 | 9 | 200 | 227 |
| 4 | Perak | 6 | 30 | 231 | 308 |
| 5 | Selangor | 15 | 18 | 458 | 660 |
| 6 | Melaka | 7 | 7 | 115 | 173 |
| 7 | Negeri Sembilan | 9 | 27 | 231 | 354 |

Jadual 1.2 **(Sambungan)**

| Bil | Negeri | Jum. Homestay | Jum. Kampung | Jum. Peserta | Jum. Bilik |
|---|---|---|---|---|---|
| 8 | Johor | 16 | 35 | 478 | 623 |
| 9 | Kelantan | 6 | 7 | 133 | 133 |
| 10 | Terengganu | 6 | 6 | 104 | 106 |
| 11 | Pahang | 14 | 17 | 249 | 376 |
| 12 | Sarawak | 26 | 28 | 353 | 357 |
| 13 | Sabah | 16 | 25 | 228 | 438 |
| 14 | Labuan | 3 | 3 | 79 | 97 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 150 | 236 | 3,211 | 4,309 |

Sesebuah homestay tidak akan berdiri dengan kukuh tanpa adanya latihan ke atas komuniti yang akan memimpin dan mengawal segala bentuk proses pembangunan dan perancangan homestay tersebut. Justeru itu, sebelum sesebuah program homestay, Institut Kemajuan Desa (INFRA) yang merupakan sebuah pusat latihan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah mengendalikan sesi latihan kepada bakal pemimpin institusi desa dalam bidang pengurusan kampung. Pendekatan yang digunakan adalah secara formal iaitu dalam bilik kuliah di mana peserta kursus diberi latihan untuk menghasilkan profil kampung dan aspek-aspek perencanaan program. Buku panduan pengendalian homestay turut diberikan kepada setiap peserta untuk dijadikan sebagai rujukan. Bagaimanapun, pada tahun 2007, INFRA telah membuat penyusunan semula terhadap program latihan yang dijalankan agar lebih jitu dengan keperluan semasa. Susulan dengan itu, beberapa program latihan telah diwujudkan, antaranya Training-Road-map, Skim Latihan Bertindak Bersepadu, Latihan Berasaskan Projek, Pelan Tindakan Desa serta Program Latihan Baru yang di bawahnya terdapat dua jenis kursus iaitu Kursus Peringkat Persijilan dan Kursus Pengurusan Kewangan. Bagaimanapun, komuniti yang ingin membuka pengusahaan homestay hanya perlu menghadiri Kursus Latihan Asas Homestay selama tiga hari dua malam dan sekiranya ingin mendapatkan sijil, komuniti perlu menyertai Sijil Kemahiran Homestay Tahap II yang berlangsung selama empat hingga enam bulan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Penglibatan komuniti tidak hanya diperlukan dalam bentuk fizikal, malah sokongan moral turut di perlukan. Dalam konteks negara membangun, Getz (1983) menyatakan bahawa sokongan padu yang kuat dari penduduk tempatan akan dapat menggalakkan lagi pembangunan pelancongan. Menghadiri program latihan mungkin sahaja tidak dapat membantu komuniti mempunyai jiwa kecintaan terhadap pelancongan desanya sendiri. Oleh itu, sokongan padu daripada masyarakat setempat adalah penting. Bagaimanapun, walaupun peluang untuk program pelancongan mencapai objektif pelancongan lestari dapat ditingkatkan dengan adanya penglibatan komuniti, namun masalah tetap timbul dalam usaha mendapatkan penglibatan komuniti itu sendiri. Walaupun pelbagai kursus telah dijalankan, namun sesetengah komuniti masih tidak mampu mencapai objektif komuniti tempatan itu sendiri. Hal ini kerana, kemungkinan kursus-kursus yang telah dijalankan hanyalah bertindak sebagai satu cara untuk memanipulasi komuniti setempat supaya mereka menerima program-program kerajaan yang memenuhi objektif pihak kerajaan sahaja.

Menurut Campbell et.al (1970), latihan didefinisikan sebagai pengalaman pembelajaran yang dirancang bagi mengubah kemahiran, gelagat atau pengetahuan. Latihan telah menjadi begitu penting apabila modal insan, pengetahuan dan kemahiran menjadi satu alat atau aset di dalam persaingan. Hal ini kerana latihan adalah keperluan kepada modal insan yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi di dalam mengatasi cabaran globalisasi amat tinggi. Goldstein (1992) pula menyatakan bahawa latihan adalah usaha yang dirancang oleh syarikat bagi melancarkan pembelajaran sesuatu pengetahuan, kemahiran atau sikap di mana pekerja dikehendaki berjaya di dalam pekerjaan mereka. Menurut kajian daripada Noe & Ford (1992) dan Schuler & Walker (1990) bahawa kepentingan latihan sebagai bahagian yang mengintegrasikan proses perancangan strategik sesebuah organisasi tidak dapat dinafikan. Hubungan antara latihan dan proses perancangan strategik sesebuah syarikat adalah penting kerana organisasi akan kehilangan sejumlah wang yang besar apabila terdapat perubahan di dalam proses, teknologi atau budaya dan pekerja pula tidak dilatih dengan baik bagi menghadapi perubahan tersebut (Chen & Sok, 2007). Namun begitu terdapat hujah daripada Green (1999). Beliau menyatakan bahawa matlamat utama latihan bukan sekadar memperbaiki kemahiran tenaga kerja, tetapi ia sebenarnya untuk memenuhi

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

beberapa matlamat seperti memperbaiki iltizam pekerja kepada syarikat dan menarik pekerja yang berkualiti.

Walaupun begitu, matlamat ini adakalanya tidak tercapai. Masalah yang dihadapi oleh setiap entiti perniagaan ialah bagaimana untuk memastikan latihan berkesan atau apakah faktor yang menyumbang kepada keberkesanan program latihan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi menguji tahap keberkesanan latihan yang dijalankan ke atas komuniti setempat serta mengenalpasti keperluan latihan yang efektif dari perspektif komuniti setempat ke arah membolehkan pembangunan homestay yang bersifat lestari terutamanya dalam konteks pembangunan sosioekonomi.

## 1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan isu-isu yang telah ditimbulkan dalam latar belakang, jelas menunjukkan bahawa penglibatan komuniti yang komited dalam menjalankan tugas mampu membawa program homestay Malaysia setanding dengan program homestay di negara luar. Tetapi terdapat juga beberapa isu yang perlu dibincangkan di mana pengkaji menyedari bahawa program homestay tidak akan kekal lama untuk jangka waktu yang panjang dan kebanyakannya akan menamatkan operasi seandainya latihan yang dijalankan ke atas komuniti pelancongan desa tidak efektif dengan kehendak dan keperluan komuniti setempat. Aspek kesesuaian kandungan kursus perlu dititik beratkan supaya objektif latihan tercapai dan komuniti setempat terlatih dengan jayanya. Kekurangan perhatian dari aspek kesediaan dan keupayaan yang dimiliki komuniti turut menjadi halangan kepada kejayaan projek berasakan komuniti ini (Moscardo, 2008, Goodwin, 2009, dan Aref, 2009). Kekurangan ilmu pengetahuan dalam bidang pelancongan boleh menjadi satu isu yang kritikal yang secara tidak langsung telah menghadkan kemampuan komuniti setempat untuk terlibat dalam pembangunan pelancongan, bahkan turut menjadi halangan kepada tahap kepimpinan pelancongan setempat dan penguasaan agen-agen luar yang lain (Moscardo, 2008). Hal ini perlu dititik beratkan supaya kualiti pelancongan desa sentiasa terjamin dan selaras dengan bilangan homestay yang kian bertambah.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Harus juga difikirkan dan dikenalpasti bagaimana komuniti tempatan sepatutnya melibatkan diri dalam pembangunan pelancongan memandangkan mereka mempunyai kawalan ke atas sumber-sumber yang dimiliki dan perlu juga memikirkan keadaan mereka pada masa akan datang. Tahap kawalan yang dimiliki sesebuah komuniti dalam projek pembangunan adalah merupakan elemen yang penting dalam mencapai kelestarian (Mowforth dan Munt, 1998). Kerajaan telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan industri pelancongan di Malaysia. Sebagai contoh, kerajaan telah memperuntukkan RM4 juta daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang berjumlah RM101.5 juta, untuk pembangunan homestay termasuk kursus latihan (Berita Wilayah, 2008). Namun, walaupun pelbagai kursus telah disediakan untuk komuniti setempat, masih banyak homestay yang masih bergantung kepada sumbangan kerajaan. Mereka bagaikan tidak boleh berdiri dengan sendiri. Justeru itu, kursus latihan yang dibuat perlulah selaras dengan keperluan yang bersesuaian dengan komuniti setempat. Komuniti perlu diberi peluang untuk belajar bermula dari akar umbi agar mereka benar-benar sedia untuk memimpin sesebuah pembangunan pelancongan.

Menurut Mc Lelland (1961), keusahawanan tidak semestinya bersifat semulajadi dan diwarisi, bahkan boleh diasuh dan dilahirkan. Sejak tahun 1971, kerajaan Malaysia telah berusaha untuk melahirkan para usahawan yang terdiri daripada kaum Bumiputera. Dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan kawasan luar Bandar agar menjadi lebih berdaya maju, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menyediakan program perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan komprehensif secara berterusan agar komuniti di luar Bandar dapat menikmati arus kemajuan yang diusahakan oleh pihak kerajaan. Dengan sumbangan yang besar kepada pembangunan komuniti dan ekonomi negara secara amnya, KKLW berkemampuan untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berpotensi dari kawasan luar bandar. Justeru itu, sebuah badan latihan di bawah KKLW iaitu Institut Kemajuan Desa (INFRA) telah menyediakan kursus latihan khususnya Kursus Latihan Asas Homestay yang berlangsung selama tiga hari dua malam ke atas komuniti yang berpotensi untuk mengusahakan program homestay di kampung-kampung yang terpilih.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut statistik homestay sehingga Disember 2011, jelas menunjukkan bahawa bilangan homestay telah mencecah 150 buah berbanding 145 buah homestay pada tahun 2010 (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2011). Bagaimanapun, tidak semua pelancongan homestay yang dijalankan itu memenuhi ciri-ciri yang sepatutnya dimiliki oleh sesebuah homestay. Yang ada hanyalah nama semata-mata sedangkan kualiti yang dimiliki tidak selaras dengan objektif yang ingin dicapai oleh negara. Oleh itu, kursus latihan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan perlu dinilai semula untuk melihat keberkesanannya terutama sekali untuk melihat sama ada objektif kursus latihan tersebut telah tercapai. Walaupun kebanyakan kursus latihan di bawah seliaan INFRA bertujuan untuk disampaikan kepada rakyat, namun pandangan bahawa peranan kerajaan di dalam melaksanakan tanggungjawab sosial telah selesai tidak mencukupi. Satu kajian mengenai kesan kursus latihan ke atas peserta yang terlibat perlu dilaksanakan supaya justifikasi ke atas peruntukan wang yang banyak untuk program latihan dapat dinilai dan manafaat daripada kursus latihan tersebut dapat dinikmati oleh rakyat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti keberkesanan kursus latihan ke atas komuniti setempat dalam merealisasikan impian kerajaan untuk mempunyai homestay yang berdaya saing setanding dengan homestay di luar negara.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif kajian sepertimana berikut:

i. Mengenalpasti perubahan pada diri pengusaha homestay dari aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi mengikut perspektif mereka sendiri selepas menghadiri kursus latihan.

ii. Mengenalpasti perbezaan faktor demografi dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus latihan.

iii. Mengenalpasti kesesuaian kursus latihan dalam membina keupayaan pengusaha homestay berdasarkan tiga komponen.

iv. Mengenalpasti cadangan penambahbaikan ke atas kursus latihan ke arah membina keupayaan pengusaha homestay.

## 1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dibangunkan dalam usaha mencari jawapan terhadap setiap isu dan masalah yang telah timbul. Persoalan-persoalan kajian itu adalah:

i. Apakah perubahan pada diri pengusaha homestay dari aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi mengikut perspektif mereka setelah menghadiri kursus latihan?
ii. Apakah perbezaan antara faktor jantina dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus?
iii. Apakah perbezaan antara faktor tahap pendidikan dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus latihan?
iv. Apakah perbezaan tempoh penglibatan dalam program homestay dengan perubahan aspek, pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus latihan?
v. Apakah kesesuaian kursus latihan dalam membina keupayaan pengusaha homestay berdasarkan ciri fasilitator?
vi. Apakah kesesuaian kursus latihan dalam membina keupayaan pengusaha homestay berdasarkan rekabentuk latihan?
vii. Apakah kesesuaian kursus latihan dalam membina keupayaan pengusaha homestay berdasarkan cabaran yang dihadapi ketika menghadiri kursus?
viii. Apakah cadangan penambahbaikan oleh pengusaha homestay itu sendiri ke atas kursus latihan ke arah membina keupayaan mereka?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Ho 1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Ho 2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor tahap pendidikan dengan perubahan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus latihan.

Ho 3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan dalam program homestay dengan perubahan aspek, pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi pengusaha homestay selepas menghadiri kursus latihan.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pelancongan homestay kini kian mendapat tempat di hati pelancong memandangkan ianya adalah pelancongan desa yang dapat mendekatkan pelancong dengan komuniti tempatan dari segi budaya dan kecantikan tempat yang dimiliki. Di samping itu, pelancongan juga mampu memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan negara.

Sehubungan dengan itu, kepentingan kajian yang dijalankan ini adalah khusus untuk empat pihak iaitu Kementerian Pelancongan Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berserta Institut Kemajuan Desa (INFRA), agensi pelancongan yang telibat dalam wilayah ECER dan komuniti program homestay.

### 1.7.1 Kementerian Pelancongan Malaysia

Hasil daripada kajian ini adalah penting kepada pihak Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai satu aspek yang perlu diambil perhatian yang serius dalam memastikan kelangsungan pelancongan desa sebagai salah satu sektor penjanaan ekonomi negara. Hasil daripada cadangan-cadangan yang akan dikemukakan di dalam Bab 5 diharap dapat dipertimbangkan dan seterusnya mencari jalan penyelesaian ke atas sebarang masalah yang timbul. Selain itu, kajian ini dapat membantu pihak kementerian dalam usaha menambahbaik kursus latihan sedia ada dan mungkin dapat mencipta kursus lain yang lebih baik daripada kursus-kursus sebelum ini supaya dapat mengekalkan kelestarian pelancongan di Malaysia.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.7.2 KKLW dan INFRA

Begitu juga dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta institusi dibawah seliaannya, Institut Kemajuan Desa (INFRA). Hasil kajian ini adalah penting supaya pihak yang menguruskan kursus latihan dapat membuat penilaian semula terhadap latihan-latihan yang telah disediakan kepada pengusaha homestay. Bagaimanapun, hasil daripada kajian ini juga sebenarnya sudah dapat membantu pihak yang terlibat supaya dapat meningkatkan dan memperbaiki gaya latihan di dalam setiap kursus yang dijalankan agar selari dengan keperluan dan keupayaan komuniti pelancongan desa. Hasil kajian ini juga penting dalam membantu pihak KKLW dan INFRA dalam merancang kursus latihan baru yang lebih sesuai kepada pihak yang terlibat dibawah seliaan kursus latihan mereka.

### 1.7.3 Agensi pelancongan yang terlibat dalam wilayah ECER

Hasil kajian ini dilihat dapat memberi kepentingan kepada agensi pelancongan yang terlibat di dalam wilayah ECER supaya dapat meningkatkan lagi mutu homestay dan produk pelancongan lain yang dimiliki antaranya dari segi peningkatan kualiti perkhidmatan. Dan sebenarnya, keistimewaan produk pelancongan yang terdapat di bawah wilayah ECER seharusnya menjadi satu kebanggaan. Agensi pelancongan seharusnya mengambil peluang daripada keistimewaan ini untuk mempromosikan ke persada dunia bahawa Malaysia juga mempunyai tempat pelancongan yang menarik. Produk dan profil yang direncanakan dengan teliti dan tersusun dalam program homestay dapat menarik perhatian ramai pihak untuk mencuba pengalaman baru untuk tinggal di homestay dan menjalani kehidupan desa yang selesa.

### 1.7.4 Komuniti program homestay

Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu komuniti yang terlibat dalam program homestay untuk mempelbagaikan lagi produk pelancongan homestay seperti mempelbagaikan masakan Melayu dan kuih muih tradisi, upacara berkhatan dan majlis

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

berzanji serta majlis khatam Al-Quran yang mana jarang sekali dapat dilihat di kebanyakan homestay di Malaysia ini. Strategi promosi boleh dilakukan melalui pengusaha, keluarga angkat dan penduduk setempat agar homestay yang dimiliki dikenali ramai contohnya melalui promosi di televisyen. Hasil daripada penilaian yang dijalankan juga dapat membantu komuniti untuk menaiktaraf hidup serta meningkatkan ekonomi keluarga. Program homestay dapat memberi peluang kepada keluarga pengusaha yang kekurangan pengalaman dan ilmu perniagaan dalam menguruskan perkhidmatan berorientasikan perniagaan. Bahkan, selepas mereka mengikuti kursus latihan yang sesuai dengan kemampuan yang dimiliki, mereka mampu merencana dan menjana sendiri ekonomi pada masa akan datang agar mampu berdaya saing dan memberi manfaat sepenuhnya kepada komuniti tempatan.

Justeru itu, program homestay dilihat sebagai satu platform terbaik untuk memperkenalkan budaya warisan Melayu khususnya kehidupan di kampung yang nyaman dan tenang jauh dari kesesakan lalu lintas, pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Selain itu, tarikan sekitar juga memainkan peranan penting kerana pelancong ingin mengetahui lokasi yang menarik yang berada di kawasan sekitar. Bagaimanapun, kualiti persekitaran dan alam sekitar yang dimiliki hanyalah satu bonus ke atas kejayaan sesebuah homestay. Apa yang penting adalah kualiti kepimpinan dan keupayaan yang dimiliki oleh komuniti pelancongan desa itu sendiri. Tanpa adanya kursus dan latihan yang berkualiti, mana mungkin pengurusan homestay dapat dijalankan dengan jayanya melainkan komuniti dalam pelancongan desa itu sudah sememangnya memiliki keupayaan yang jitu untuk memimpin organisasi homestay dengan sendirinya.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.8 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih homestay di tiga buah negeri yang berada dibawah wilayah ECER (*East Coast Economic Region*), iatu negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai tempat membuat kajian.

Terdapat enam buah homestay yang telah dipilih oleh pengkaji dalam kajiannya, iaitu dua buah homestay di setiap negeri. Homestay-homestay tersebut adalah Homestay Kampung Pantai Suri dan Homestay GBW Pak Rahmat Seterpa di Kelantan. Manakala

di Terengganu, Homestay Teluk Ketapang Hulu Terengganu dan Homestay Kampung Buloh, Kuala Berang, serta di Pahang, Homestay Jengka 25 dan Homestay Desa Murni. Pemilihan enam buah homestay ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan kursus latihan yang dijalankan ke atas komuniti setempat dalam usaha meningkatkan keupayaan komuniti setempat bagi pembangunan pelancongan desa di Malaysia. Pemilihan tempat kajian juga adalah selepas hasil perbincangan dengan penyelia kajian ini.

## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual berkaitan dengan keberkesanan kursus latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan ke atas pengusaha-pengusaha homestay di wilayah ECER. Beberapa pembolehubah dapat dinyatakan di dalam kerangka konseptual ini. Sesuatu kursus latihan itu dapat dinilai tahap keberkesanannya dengan melihat perubahan yang ditunjukkan oleh para pengusaha selepas menghadiri kursus.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH




Rajah1.1: Kerangka konseptual kajian- *Adaptasi dari Baldwin & Ford (1988)*



PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.10 Definisi Istilah

### 1.10.1 Program Latihan

Menurut (Desimone et al., 2002; Ibrahim, 2001; Kraiger et al., 1993), latihan ditakrifkan sebagai proses pembelajaran terancang yang bertujuan untuk meningkatkan kemampuan pekerja menyelesaikan masalah semasa, menyelesaikan masalah yang mungkin wujud pada masa akan datang, membangunkan kecekapan pekerja dan membangunkan daya saing organisasi pada masa hadapan.

Kursus latihan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sebuah program yang dijalankan oleh Institusi Kemajuan Desa (INFRA) atau agensi-agensi yang terlibat dalam pelancongan desa untuk melatih komuniti supaya mahir dan cekap dalam menguruskan homestay seiring dengan matlamat negara yang ingin dicapai.

### 1.10.2 Pengusaha Homestay

Perkataan „*entrepreneur*‟ adalah dalam bahasa inggeris berasal daripada bahasa Perancis „*entreprendre*‟ yang bermaksud memikul atau mencuba. Manakala dalam bahasa Malaysia istilah pengusaha atau usahawan sebenarnya berasal dari perkataan „usaha‟. Menurut kamus dewan, usaha ialah daya upaya termasuk ikthiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Kirzner (1979) pula telah mendefinisikan pengusaha sebagai individu yang sentiasa berwaspada ke atas peluang-peluang perniagaan yang orang lain tidak menyedarinya. Pengusaha akan mengambil tindakan secara imaginative, kreatif dan inovatif.

Pengusaha homestay dalam kajian ini bermaksud orang yang mengusahakan penempatan homestay kepada pelancong-pelancong yang datang melancong dengan menyediakan segala kelengkapan yang wajib disediakan mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.10.3 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga, 1996), maksud keberkesanan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya) seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya). Keberkesanan latihan merujuk kepada keadaan di mana pelatih telah mencapai matlamat yang dirancang dan dalam masa yang sama mencapai objektif latihan. Objektif yang dirancang berkaitan dengan meningkatkan efisien serta meningkatkan kualiti kerja, kepuasan pelanggan, inovasi dan kepuasan kerja (Nahavandi dan Malekzadeh, 1999).

Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada hasil yang diperoleh daripada program latihan yang dijalankan oleh pihak Institut Kemajuan Desa (INFRA) mahupun agensi-agensi swasta bagi melatih para pengusaha Homestay dan komuniti yang terlibat dengan pelancongan desa.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.10.4 Program Homestay

Menurut Chin (2009), homestay bermaksud sejenis pelancongan yang memberikan kelainan kepada para pelancong menerusi pengalaman tinggal bersama masyarakat di kampung-kampung dan komuniti luar bandar. Pengalaman melihat cara hidup, budaya, keunikan alam sekitar menerusi flora dan fauna menjadikan produk pelancongan jenis ini unik di Malaysia.

Dalam kajian ini, program homestay bermaksud sejenis tempat penginapan untuk para pelancong tinggal dengan tujuan untuk belajar budaya dan cara hidup keluarga yang menjadi tuan tumah yang bersedia untuk memberi dan berkongsi ilmu pengetahuan, budaya dan adat resam. Tuan rumah bukan sahaja menyediakan tempat tinggal, malah makanan dan juga mendapat ganjaran yang setimpal dan sesuai.

## 1.11 Rumusan

Bab 1 merupakan bahagian pengenalan mengenai kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan tentang kelebihan prospek pelancongan kepada negara di mana industri pelancongan telah menjadi salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Pengkaji seterusnya menghuraikan tentang pelancongan desa yang terdapat di Malaysia iaitu program Homestay. Program homestay adalah satu program inap desa yang mengajak pelancong untuk mendekati budaya dan warisan masyarakat desa. Di samping dapat berkenalan dengan lebih rapat dengan kehidupan komuniti desa, pelancong juga dapat menikmati udara segar serta pemandangan yang indah yang terdapat di desa.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB 2

# KAJIAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan permasalahan kajian yang dijalankan yang didapati daripada beberapa buah jurnal dan buku.

## 2.2 Konsep Pelancongan, Pembangunan dan Kemunduran

Tiada definisi mutlak tentang pelancongan yang dipersetujui oleh para cendekiawan dalam bidang pelancongan. Bagaimanapun, pelbagai definisi pelancongan telah digambarkan oleh orang ramai. Hal ini akan menyebabkan timbul masalah dalam beberapa keadaan tertentu. Bagi Go (1997), beliau berpendapat bahawa tiada definisi seragam yang sesuai untuk digunakan. Oleh itu, pelancongan kini menjadi satu bidang yang susah untuk difahami oleh pembuat dasar polisi dan orang awam secara amnya. Bagaimanapun, Mathieson dan Wall telah mentakrifkan pelancongan sebagai satu konsep :

> "…..pergerakan sementara manusia ke destinasi di luar tempat biasa mereka atau kerja dan kediaman mereka, aktiviti-aktiviti mereka ditinggalkan ketika mereka menginap di destinasi pilihan dan kemudahan yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan mereka…..Semasa mereka melancong, sosial mereka, ekonomi, ekologikal dan kesan budaya mereka dipengaruhi oleh masyarakat tuan rumah..."

Terdapat tiga elemen penting di dalam definisi Mathieson dan Wall, iaitu elemen dinamik yang melibatkan perjalanan ke destinasi yang dipilih, elemen statik yang

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

merangkumi penginapan sebenar di destinasi yang dipilih dan elemen yang berbangkit yang menerangkan hubungan antara pelancong dan penduduk tempatan dan kesan pelancongan kepada sub-sistem ekonomi, fizikal dan sosial, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Hall (1991) pula berpendapat, terdapat pelbagai definisi pelancongan tetapi elemen yang sama dari definisi adalah:

i. Pelancongan adalah sementara, perjalanan jangka pendek yang dilakukan oleh bukan pemastautin, dari satu transit ke sesuatu destinasi.
ii. Ia mungkin mempunyai pelbagai kesan destinasi, laluan transit dan titik sumber pelancong.
iii. Ia boleh mempengaruhi watak pelancong
iv. Ia biasanya adalah untuk riadah atau rekreasi, walaupun perniagaan adalah juga penting.

Semua elemen-elemen ini adalah saling berkaitan dan pelancongan akhirnya menjadi satu fenomena dan sebuah aktiviti yang dikenali sebagai sistem pelancongan (Page, 1999). Kini, pelancongan telah menjadi satu aktiviti ekonomi global. Sebagai contoh, Page dan Dowling (2002) terus meramalkan pertumbuhan pelancongan global untuk dekad yang seterusnya. Pertumbuhan trend pelancongan menjadi semakin tinggi pada tahap global adalah kerana sebahagian besar populasi dunia akan memulakan perjalanan, terutamanya negara-negara yang membangun pada abad ke-21 ini. Orang ramai akan bercuti dengan lebih kerap, mungkin dua hingga empat kali setahun. Pelancong pada abad ke-21 juga akan melakukan perjalanan lebih jauh dan satu per tiga perjalanan itu mungkin menjadi satu perjalanan jangka panjang. Oleh itu, perjalanan jarak jauh dijangka akan mengalami suatu peningkatan dari 24 peratus daripada semua perjalanan antarabangsa kepada 32 peratus menjelang tahun 2020 (Page & Dowling, 2002)

Konsep pembangunan dan kemunduran juga telah dipertikaikan oleh beberapa buah negara yang mana hal ini telah lama dibahaskan. Ini adalah istilah kabur yang digunakan secara deskriptif dan normatif untuk merujuk kepada proses melalui mana-mana masyarakat yang bergerak dari satu keadaan kepada keadaan yang lain dan juga untuk matlamat proses itu. Proses pembangunan dalam masyarakat boleh menyebabkan ia mencapai sebuah negeri atau keadaan pembangunan (Sharpley, 2002:23), tetapi pada masa yang sama, istilah “pembangunan” juga merujuk kepada keadaan kemunduran yang menggambarkan kekurangan pembangunan (Conyers and Hills, 1984: 22). Oleh

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

itu, bagi kebanyakan negara-negara maju pada masa kini, pelancongan atau eko-pelancongan telah menjadi satu strategi pembangunan pilihan untuk mengatasi kemiskinan dan kemunduran yang dihadapi oleh majoriti penduduk.

Istilah "pembangunan" sebagaimana yang telah dihujahkan oleh Harrison, merujuk kepada keadaan masa depan yang wajar bagi masyarakat tertentu- maksud ini adalah termasuk pertumbuhan ekonomi, perubahan struktur, perindustrian autonomi, kapitalisme, *self-actualisation and individual*, kebangsaan, bangsa dan budaya yang berdikari (Harrison, 1988: 154-155). Oleh itu, kata kerja "untuk membangunkan" bermaksud untuk menukar secara beransur-ansur, berkembang melalui beberapa peringkat ke arah beberapa keadaan pengembangan, penambahbaikan atau kesempurnaan atau sebuah keadaan dimana identiti sebenar subjek diturunkan (Wilber and Jameson, 1979: 5) sama ada ia menjadi sebagai sebuah negara yang maju atau kurang maju. Dalam erti kata ini, kata kerja "untuk membangunkan" boleh menjadi transitif atau tidak transitif. Ini bermakna bahawa, apabila kita menggunakan perkataan dengan merujuk kepada negara-negara, ia adalah mustahil untuk sebuah negara (atau kumpulan orang yang lain) sama ada untuk membangunkan sendiri atau untuk dimajukan oleh agensi tertentu di luar.

Jika istilah "pembangunan" digunakan untuk membawa maksud keadaan sekumpulan orang yang sedang dibangunkan, istilah "kemunduran" pula merujuk kepada suatu keadaan yang menjadi mundur atau tidak dibangunkan (Conyers and Hills, 1984: 22; Carter, 1995). Ciri-ciri kemunduran yang dihadapi oleh kebanyakan negara-negara kurang maju adalah termasuk pencemaran, kemiskinan, pengangguran, ketidaksamaan dan sebagainya. Demi mengatasi status negara mundur, kerajaan di negara kurang maju itu seharusnya mengambil inisiatif bagi mengubah status negara mundur kepada negara membangun.

## 2.3 Konsep Pembangunan Komuniti

Pembangunan sering dikaitkan dengan keperluan dan tuntutan yang seharusnya disediakan oleh pemerintah kepada rakyat (Ibrahim. Y, 2007). Sesebuah negara dianggap mundur tanpa pembangunan dan para pemimpin pula akan dipersalahkan kerana tidak berupaya menyediakan pembangunan untuk keperluan rakyat. Daripada perspektif evolusi, pembangunan berkembang mengikut garis lurus daripada tahap rendah kepada tahap yang lebih tinggi. Menurut Embong (2000), satu jurang dikatakan

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

wujud di antara yang membangun dengan yang mundur, yang maju dengan yang terpinggir, maka dengan itu, menjadi tugas pihak yang kurang membangun melakukan usaha *catching up*, atau mengejar dan mengecilkan jurang tadi.

Istilah “komuniti” banyak digunakan dalam pelbagai penulisan, terutamanya dalam bidang sains sosial. Seorang ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tonnies telah memperkenalkan konsep *gameinschaft* dan *gessellschaft* dan istilah “komuniti” ini telah diambil daripada kedua-dua konsep ini. Menurut Ting Chew Peh (1985:66), kedua-dua konsep ini merangkumi fenomena sosial yang agak luas dan merujuk kepada jenis masyarakat, susunan sosial dan juga hubungan-hubungan yang berkaitan dengannya. Secara umumnya, konsep “komuniti” boleh dirumuskan sebagai sekumpulan kecil manusia yang tinggal di suatu penempatan, mengamalkan suatu tahap otonomi dan cara hidup tersendiri yang berkongsi aspirasi dan kehendak (Ibrahim. Y, 2007) Komuniti juga terlibat dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan serta mempuntai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan.

Pembangunan merupakan suatu yang subjektif. Pelbagai pihak yang mengkaji tentang pembangunan telah melihatnya mengikut tafsiran dalam konteksnya sendiri. Justeru, pelbagai pengertian telah digambarkan bergantung kepada perspektif dan konteks penggunaannya. Perkataan “pembangunan” sering mempunyai takrifan yang bertindan maksudnya dengan „pertumbuhan‟ (*growth*), „kemajuan‟(*progress*) dan „pemodenan‟ (*modernization*), sedangkan kesemua kami adalah merupakan tahap-tahap dalam proses pembangunan (Ibrahim. Y, 2007)

Konsep pembangunan yang luas dan komprehensif menjurus kepada maksud proses peningkatan yang berlaku secara evolusi dan terancang bagi mencapai matlamat tertentu. Maka, pembangunan turut meliputi semua bidang kehidupan bermasyarakat dan tidak terbatas kepada hal-hal ekonomi sahaja. Oleh itu, definisi pembangunan terkini cenderung untuk memberi penekanan ke arah serangkai matlamat kebajikan yang bersifat positif atau menguntungkan semua pihak dan cuba mengatasi kelemahan atau keterpinggiran yang berlaku sebelum ini (Ibrahim.Y, 2007).

Justeru, komuniti dan pembangunan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Sejak awal abad ke-20 lagi, para pengkaji komuniti daripada bidang ekonomi dan sains sosial telah mula memerhatikan perubahan komuniti akibat proses pembangunan. Kebanyakan daripada mereka menyedari bahawa pembangunan yang dibawa semestinya akan membawa perubahan kepada sesebuah komuniti sama ada ke arah kebaikan ataupun sebaliknya.

PTTAUTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Bagaimanapun, dibawah paradigma pembangunan alternatif, konsep "pembangunan komuniti" telah maju ke hadapan dan meletakkan penduduk tempatan di pusat agenda pembangunan di negara-negara kurang maju di mana pelancongan atau ekopelancongan telah menjadi ejen pilihan pembangunan (Telfer, 2003: 162). Malahan, Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations telah memberikan definisi awal "pembangunan komuniti" sebagai:

> "Satu proses yang ditetapkan untuk mewujudkan syarat-syarat kemajuan ekonomi dan sosial bagi seluruh masyarakat dengan penyertaan aktif dan mungkin pergantungan sepenuhnya ke atas inisiatif masyarakat" (Sumber: United Nations, 1995: 6 cited in Telfer, 2003: 163).

Dalam konteks pembangunan pelancongan alternatif, konsep pembangunan komuniti telah diterokai dari segi kuasa (*empowerment*), penyertaan dan kerjasama (*participation and partnership*), keupayaan komuniti (*community capacity*), mengurus impak negatif dalam sosial dan budaya pelancongan, dan perubahan masyarakat (Telfer, 2003: 155). Walaupun matlamat pembangunan alternatif telah menjadi lebih meluas ditakrifkan dengan ukuran indikator sosial menjadi sebahagian daripada proses pembangunan, kepentingan pertumbuhan ekonomi dan pemodenan kekal menjadi isu penting dalam pembangunan negara di kebanyakan negara membangun.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 2.4 Perkembangan Pelancongan Global

Pada tahun 2006, perkembangan pesat industri pelancongan berjaya menjadi penyumbang utama (10.3%) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan menjana 234 juta pekerjaan atau 8.2% jumlah keseluruhan tenaga. Dengan unjuran kebanjiran 1.1 billion pelancong pada tahun 2010, keadaan ini tambah memesatkan lagi perkembangan industri pelancongan dunia dan di setiap negara. Walaupun terdapat aliran peningkatan yang semakin berkurang, namun ketibaan pelancong masih didominasi oleh pasaran konvensional yang kukuh seperti pasaran Amerika dan Eropah. Bagaimanapun, kebelakangan ini, pasaran baru seperti Asia dan Pasifik, Afrika serta Timur Tengah mula menunjukkan permintaan pelancongan yang menggalakkan (WTO 2008). Dari segi statistik, pasaran Amerika dan Eropah misalnya, masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 5.3% dan 6.1% berbanding purata pertumbuhan keseluruhan dunia sebanyak 6.4%.

# RUJUKAN


Abdullah. R, (2010), *Kajian impak program latihan dan bimbingan usahawan anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, UUM*.

Abdul Ghafar M. N.,(1999).*Penyelidikan Pendidikan Johor*. University Teknologi Malaysia.

Abdul Kadir. A. L. & Ismail. M. (1997). *Hubungan Keberkesanan Latihan dengan Prestasi Kerja*. Pertanika J. Soc. Sci & Hum. 5 (2): 73-82

Abdul Razzaq. A. R, Hadi. M. Y, Mustafa. M. Z (2011), *Local Community Participation in Homestay Program Development in Malaysia*, Journal of Modern Accounting and Auditing, Vol.7, No.12, 1418-1429

Adams. G. R & Schvaneveldt. J. D (1985) *Understanding Research Methods*, New York, London

Al Ammar, S.A.(1994) *The influence of individual and organizational characteristics on training motivation and effectiveness*. Phd Thesis. State University of New York at Albany.

Aminudin. N, A Jamal. S (2006) *Homestay Selangor: Keunikan dan pengalaman pengusaha.* Pusat Penerbit Universiti, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Aref. F & Sarjit S Gill (2009), *Rural Tourism Development through Rural Cooperatives, Nature and Science*; 7 (10)

Aref. F. (2010). Department of Social and Development Sciences. Faculty of Human Ecology, Putra University, Malaysia.

Azhar (2012). *Industri Pelancongan Di Malaysia: Sumbangan Dan Masa Depan* cikguazharrodzi.blogspot.com. January 10.

Bates, R. (1997) *The impact of training content validity, organizational commitment, learning performance utility, and transfer climate on transfer training in an industrial setting.* Phd Thesis. Louisiana State University and Agricultural and Mechanical College.


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Berita Wilayah (2008). Capaian melalui www.bernama.com

Blanchard P.N & Thacker J.W, (2004). *Effective Training, Systems, Strategies and Practice.* New Jersey, Pearcon Education Inc

Boonratana, R. (2010). *Community-based tourism in Thailand: The need and justification for an operational definition.* The Kasetsart Journal: Social Science, 31(2), 280-289.

Bopp, M., GermAnn, K., Bopp, J., Baugh Litt1ejohns, L., & Smith, N. (2000). *Assessing community capacity for change.*

Bricheno, P., Jophnson, J. Sears, J. (2000). *children's attitudes sto science: beyond the men in white coats.* In Issues in science teaching. J. Sears and P. Sorensen (eds). Routledge: London.

Britton, S. (1982). *The Political Economy of Tourism in the Third World.* Annals of Tourism Research 9:331-358

Brophy, J. (1998). *Motivating Students To Learn*. New York: McGraw-Hill.

Busch, Tor. (1995). *Gender differences in self-efficacy and academic performance among students of business administration*. Scandinavian Journal of Educational Research 39: 311-318.

Butler, R. (1990). *Alternative Tourism: Pious Hope or Trojan Horse?* Journal of Travel Research 28:40-45

Burkhart, A.J and Medlik,S. (1981). *Tourism Past, Present and Future*. Heinemann: London

Campbell, J.P, Dunnette, M.D, Lawler, E.E III, & Weick, K.R Jr (1970) *Managerial Behaviour,* McGrawHill: New York, NY

Chen, C-Y, Sok, P, & Sok, K.(2007) *Exploring potential factors leading to effective training.* Journal of Management Studies. 26(9), 843-856.

Chin, L. Y. (2009). International Seminar on Community Based Tourism: Learning From the Homestay Program in Malaysia. *Role of the Government in Promoting Community Based Tourism*. Secretary Policy and Planning Division. Ministry of Tourism Malaysia

Chua, Y.P., (2006). *Kaedah Penyelidikan* Kuala Lumpur. Mc Graw Hill.107

Coffman, L (1987). *How to keep good program alive*. Training. 24(10), 77-80

Conyers, D. and P. Hills. (1984). *An Introduction to Development Planning in the Third World* (Chichester: John Wiley & Sons), pp. 219-24

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Cooke, K (1982). *Guidelines for Socially Appropriate Tourism Development in British Columbia*, Journal of Travel Research 21 (Summer): 22-28.

Corbridge, S. (1995) (ed) *Development Studies: a Reader.* London: Edward Arnold, pp.1-16

Crucefix, M. (2001). *Measuring the effectiveness of safety training*. Occupational Hazards, 63(9), 97-98.

Curry. L (1990). *A Critique of The Research on Learning Styles*. Educational Leadership

Cyril, K. (2009). *Improving Learning Transfer: A Guide to Getting More Out of What You Put Into Your Training*.

De Kadt, E. (ed) (1979). *Tourism: Passport to Development*. Oxford University Press, Oxford

Desimone, R.L., Werner, J.M. and Harris, D.M.(2002) *Human Resource Development*. (3rd ed) Orlando, Harcourt College Publishers.

Dornyei, Z. (2001). *Motivational Strategies in the Language Classroom*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Doxey, G.V. (1975). *A causation theory of visitor-resident irritants: Methodology and Research inferences. In The impact of tourism*: Sixth annual conference proceedings of the Travel and Tourism Research Association (pp. 57-72). San Deigo

Dwyer, C. A., (1974). *Influence of children's sex role standards on reading and mathematics achievement.* Journal of Educational Psychology 66: 811-816.

Eddy, *E*. R. & Tannenbaum, S. I. (2003). *Transfer in an E-Learning Context*.

Embong. A. R(2000), *Pembangunan: Daripada Modenisasi Kepada Globalisasi*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Falsafah dan Peradaban Pembangunan di Alaf Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 11-12 September

Facteau, J. D., Dobbins, G. H., Russell, J. E. A., Ladd, R. T., & Kudisch, J. D. (1995). *The influence of general perceptions of the training environment on pretraining motivation and perceived training transfer*. Journal of Management, 21, 1-15.

Fennema, E., (1980). *Sex-related Differences in Mathematics Achievement: Where and Why*. Dlm L. H. Fox, L. Brody, & D. Tobin, (Ed.). *Women and the Mathematical Mystique*. Baltimore: John Hopkins University Press.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Flippo, B. Edwin (1976), *Principles of Personnel Management*, 4th Ed., McGraw-Hill Book Co, New York.

Foster, H.L. (1995). *Implementing innovative pedagogy in the first course in accounting and its relationship to student attitudes toward the profesion*. Tesis PhD, Andrews University, USA.

Frank, Andre Gunder (1966). *The Development of Underdevelopment*. Monthly Review, September

Gabbin, A. L. (2002). *The crisis in accounting education*. Journal of Accountancy April (193) 4.

Gay. L. R, & P.L Deihl. (1992). *Research Methods For Business and Management*

Getz, D.(1983) *Capacity to Absorb Tourism: Concepts and Implications for Strategic Planning*. Annals of Tourism Research 10: 239-263.

Glesne, C. (1999). *Becoming qualitative researchers*. New York: Addison Wesley Longman.

Go. FM, CL Jenkins (1997). *Tourism and economic development in Asia and Australia*

Godfrey. K.B (1998). *Attitudes towards 'Sustainable Tourism' in the UK: A View From Local Government*. Tourism Management

Goldstein, I.L (1992). *Training in an organization: Needs assessment, Development, and Evaluation*, 3rd ed., Brooks/ Cole: Pasific Grove, Ca

Goodwin, H., (2009). *Community Based Tourism*, Chameleon Press, London.

Green, F (1999), *Training the workers*, in Gregg P., Wadsworth, J.(eds). The State of Working Britain, Manchester University Press, Manchester.

Hall, C. M (1991) *Introduction to Tourism in Australia: Impacts, Planning and Development*. Pp. 208pp

Hamzah.A dan Khalifah.Z, (2009). *Laporan Akhir Business Strategy & Implementation For the Propose Homestay & Kampungstay Tourism Development*

Hani Ismail. (2001). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar menengah rendah dalam mata pelajaran sains*. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Halpern, D. F. (1992). *Sex Differences in Cognitive Abilities*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Haq, Mahbub ul. (1995). *Reflections on Human Development*. New York: Oxford University Press

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Harrison. D. (1992). *Tourism and the less developed countries*

Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Zakila Abd Rahman (2009). *Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat*. International Conference on Human Capital Development, 25-27 May, Kuantan, Pahang

Haslinda, A & Mahyuddin, M.Y (2009), *The Effectiveness of Training in the Public Service.* American Journal of Scientific Research.pp.39-51.

Herold, et.al (2002). *Dispositional influences on transfer of learning in multistage training programs.* Personnel Psychology, 55, 851-869.

Holden, P. (1984), *Alternative Tourism With a Focus on Asia*. Report of the workshop on alternative tourism with a focus on Asia, Chiang Mai, Thailand

Holton, E.F (1996). *The flawe four-level evaluation model, Human Resource Development Quarterly,* 7 (1), 5-25.

Hsu, J. T.-S. 1997. Value, expectancy, metacognition, resource management, and academic achievement: A structural model of self-regulated learning in a distance education context. Unpublished Ph.D., University of Southern California, California.

Ibrahim. Y (2007). *Komuniti Pulau dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir?*. Akademika 70. 57-76

Ibrahim. Y & Abdul Razzaq. A. R. (2011). *Homestay Program and Rural Community Development in Malaysia*

Ishak Shari dan Ahmad Mohd. Yusof (1990). *Pengantar Statistik Ekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia

Jabil Mapjabil et.al (2011). *Pembangunan Program Homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, Produk dan Prospek*. Malaysia Jurnal of Society and Space 7 issue 2(45-54).

Juridico, E.D. (1993). *Training and development: towards the promotion of accountability and productivity in bureaucratic performance in the Philippines*. Asian Review of Public Administration 5(1): 53-62.

Kayat. K (2005). *Perbualan Bersama Tuan Haji Shariman Hamdan*

Kayat. K., (2006). *Power Through Tourism: a Blessing on Mahsuri's Eighth Generation in Langkawi?* Unpublished Dissertation. East Lansing, Michigan:Michigan State University.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Kayat. K & Mohd Nor. N. A (2006). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay di Kedah*. Universiti Utara Malaysia, Sintok. 157-136

Kementerian Pelancongan Malaysia. Capaian dari www.motour.gov.my

Kerlinger, F.N (1973). *Foundations of behavioral research*. New York: Holt, Rinehart, & Winston.

Kirkpatrick, D. L. (1998). *Evaluating training program: The four levels (2ed).* San Francisco : Berrett- Koehler Publishers, Inc.

Kirzner, I. M. (1979) *Perception, Opportunity and Profit. Chicago*: University of Chicago Press.

Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience as the source of learning and development*, Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

Konting. M. M, (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

Kraiger, K., Ford, J. K., & Salas, E. (1993). *Application of Cognitive, Skill-Based,and Affective Theories of Learning Outcomes to New Methods of Training Evaluation.* Journal of Applied Psychology, 78(2), 311-328.

Krippendorf, J. (1987). *The Holiday Makers: Understanding the Impact of Leisure and Travel*. Oxford: Heinemann.

Landell. K (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Sons. inc

Leduchwicz, T (1992). *Trainer role and effectiveness: A revies of literature*. International Journal of Manpower, Inc.

Lim, H, Lee, S-G, & Nam, K (2007). *Validating E-learning factors affecting training effectiveness*. International Journal of Information Management. 27(1), 23-35.

Lynch, D. J. 2006. Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Student Journal* 40(2): 423-428.

Maxwell, J.A. (1996). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. Thousand Oaks, London and New Delhi: SAGE.

Mathieson. A and Wall. G (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Longman, London and New York.

McClelland, D. C.(1961) *The achieving society.* Princeton, N.J.: D. Van Nostrand.

McIntyre, G. (1993). *Sustainable Tourism Development: Guide for Local Planners*. Madrid: World Tourism Organization

PTTAUTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

McKenna, E. (1997). *Gender Differences in Reading Attitudes*. ERIC Document No: ED407653

Ministry of Culture, Arts and Tourism, MOCAT (1995), *Garis Panduan Penyediaan Homestay*

Mohd Nor. N (2010), *Penglibatan Komuniti Sebagai Pengusaha Di Sektor Penginapan Pelancongan Berskala Kecil: Kajian di persisir pantai terengganu*, Fakulti Sains Social dan Kemanusiaan

Moscardo, G. (ed)., (2008)*Building Community Capacity for Tourism Development*, Australia.

Mowforth. M & Ian Munt (1998), *Tourism and Sustainability; New tourism in the Third World.* London

Nahavandi, A dan Malekzadeh (1999) A.R *Organizational Behaviour: The Person Organizatinal Fit*. New Jersey. Prentice Hall.

Nesbitt, J. C. (2004). *Development of a systematic process to evaluate the effectiveness of environmental health and safety training at XYZ medical Cente*r. University of Wisconsin-Stout.

Neuman, S. B. (2003). *From rhetoric to reality: The case for high-quality compensatory prekinder- garten programs*. Kappan, 85, 286-291.

Noe, R.A & Ford, J.K (1992) *Emerging issues and new directions for training research. Predicting the decision to use advanced technologies: the case of computers*. Personnel Psychology, 46, 125-47

Noe, R.A., & Schmitt, N (1986). *The influence of trainee attitudes on training effectiveness: test of a model*, Personnel Psychology, 39, 497-532.

Norasmah Othman. (2002). *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah.* Tesis Ph D, Universiti Putra Malaysia.

OSHA, Occupational Safety and Health (1998). Website: http://www.osha.gov/.

Osman.K, Hj Iksan. Z, Halim. L. (2007). *Sikap terhadap Sains dan Sikap Saintifik di Kalangan Pelajar Sains.* Jurnal Pendidikan. 32: 39-60

Page, S. J., P.Forer, G. R. Lawton (1999). *Small Business Development and Tourism : Terra incognita?.* Tourism Management, 20. 435-459

Page, S.J., & Dowling, R. K., (2002). *Ecotourism. Prentice-Hall,* Harlow, England

Parry, S. (1990). *Bringing it back to work. Training and Development Journal*. Dec. 44(12), 15-17.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Parkinson, J., Hendley, D., Tanner, H.& Stables, A. (1998). *Pupils' attitudes to science in key stage 3 of the national curriculum: a study of pupils in South Wales*. Research in Science and Technological Education 16(2): 165-176.

Peet, Richard and Elaine Hartwick (1999). *Theories of Development*. New York: The Guilford Press

Pervin, L.A. (1965), *Personality: Theory, Assessments and Research*.

Peterson, R.T (1990). What *makes sales training program successful?*. Training and Development Journal, 44(8), 59-64

Phillimore, J., & Goodson, L. (2004). Progress in qualitative research in tourism. In J. Phillimore & L. Goodson (Eds), *Qualitative research in tourism: Ontologies, epistemologies and methodologies* (pp. 3-30). London: Routledge.

Picou, A., Gatlin-Watts, R. & Packer, J. (1998). *A Test for Learning Style Differences for the U.S. Border Population*. ERIC Document No: ED423678

Pintrich, P. R. & De Groot, E. V. 1990. Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology* 82(1): 33-40.

Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. 1996. *Motivation In Education: Theory, Research And Applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.

Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J. 1991. *A Manual For The Use Of The Motivated Strategies For Learning Questionnaire (MSLQ)*. Michigan: University of Michigan.

Pizam. A (1978). *Tourism's Impacts: The Social Costs to the Destination Community as Perceived by Its Residents*. Journal of Travel Research, 16 (Spring): 8-12

Quinones, M.A (1997). *Pretraining context effects: training assignment as feedback*, Journal of Applied Psychology, 80, 226-238.

Redzuan Othman & Norlida Hanim Mohd Salleh (2010) *Analisis Hubungan Pembangunan Industri Pelancongan dan Pertumbuhan Ekonomi: Perbandingan Pasaran Antarabangsa*, Jurnal Ekonomi Malaysia 44 (2010) 93-100

Redzuan Othman & Norlida Hanim Mohd Salleh (2010) *Hubungan Pembangunan Industri Pelancongan dan Pertumbuhan Ekonomi Di Beberapa Negara Utama ASEAN*, IJMS 17 (1), 171-188

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Robert, C. (1985). *Guide to management of training Petaling Jaya*: National Productivity Center.

Russ-Eft, d.F & Zenger(1985), J.H. *Common mistakes in evaluating training effectivesness.* The Personnel Administrator, 30(4), 57-60

Saks, A.M. (1996). *The relationship between the amount and helpfulness of entry training and work outcomes*. Human Relations 49(4): 429- 451.

Schiller, B. R. & Crewson, P. E. (1997). *Entrepreneurial origins: A longitudinal inquiry.* Economic Inquiry 35: 523-532.

Schuler, R.S & Walker, J.W (1990) *Human resources strategy: focusing on the issues and self – assessed training needs.* Journal of Organizational Behaviour, 15, 205-22.

Schuler, R.S (1983) *Effective personnel management, New York*; West Publishing.

Schumaker, A (2004). *Predicting perceived effectiveness of training in local government: A study of a municipal clerks training program*. Public Performance & Management Review. 27(3), 51.

Shafritz, J.M (1985) *Dictionary of personnel management and labor relation (2nd ed).* New York : John Wiley.

Sharpley, R. (2002). The Consumption of Tourism. In R. Sharpley (Ed.), *Tourism and Development: Concept and Issues.* Clevedon, Buffalo, Toronto and Sydney: Channel View.

Skinner, B. F. (1965). *Science and Human Behavior*. New York: Free Press

Suhaimi Mansor (1991). *Jalan Pintas Keusahawanan.* Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd

Tan Sai Tian. (1998) *The Effectiveness of Training Programmes as Perceived by Support Staff in University Utara Malaysia.* Universiti Putera Malaysia. Projek Sarjana.

Tannenbaum, S. I. (1997). *Enhancing continuous learning: Diagnostic findings from multiple companies*. Human Resource Management, 36, 437-452.

Tasse, A,. & Hrimech, M. (2003). *Increasing Learning Transfer Amongst Newly Trained Employees: The Role of the Supervisor*.

Telfer. D. J (2003). *Development Issues in Destination Communities*

Tennant C et.al (2002) *The Design of a Training Programme Measurement Model.* Journal of European Industrial Training Vol 26/5 p 230-240.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Ting Chew Peh (1985), *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tinklin, T., Croxford, L. Frame, B., Ducklin, A. (2000). *Gender and Pupil Performance in Scotland.* Kertas Kerja. The European Conference on Educational Research, Edinburgh. Available online: http:www//leeds.ac.uk/educol/documents/ 00001663.htm

Todaro, M. P (1997). *Economic Development*. London and New York: Longman

Tosun, C (2000) *Limit to Community Participation in the Tourism Development Process in Developing Countries*. Tourism Management. 21: 613-633.MARA, Shah Alam.

Tracey et.al (2001). *The influence of individual characteristics and the work environment on varying levels of training outcomes,* Human Resource Development, 12, 5-23.

Underwood, B. J. (1991). *Associative transfer in verbal learning as a function of response similarity and degree of first-time learning*. Journal of Experimental Psychology, 42, 44-53.

Vroom, V (1964). *Work and motivation*, New York: Wiley.

Watson, C.E. (1979). *Managemellt Development through Training.* USA: Addison-Wesley

Wilber. C.K & Jameson. K. P (1979). *Paradigms of economic Development and Beyond.* Notre Dame University Press Notre

World Tourism Organization, WTO. Capaian dari www.wto.org

Yeh, M. L. (1996). *Translation and Validation of The California Critical Thinking Dispositions Inventory (Chinese).* Doctoral dissertation. University of Maryland at Baltimore.

Yorio, C. (1986). *Consumerism in second language learning and teaching*. Canadian Modern Language Review, 42(3), 668-687.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH